

MOHD ISKANDAR: BUKTI KECEKALAN PELAJAR KURANG UPAYA

“ Saya merasa bersyukur atas kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah bagi membantu saya menjalani kehidupan saya sebagai pelajar di Sekolah Perniagaan & Ekonomi, selain kemudahan saya mengikuti kuliah pensyarah-pensyarah juga turut membantu saya yang kurang upaya” jelas Mohd Iskandar salah seorang pelajar kurang upaya yang sedang mengikuti pengajian dalam Program Keusahawanan. Beliau mengalami kecacatan kaki yang menyukarkan beliau bergerak, namun dengan bantuan kerusi roda beliau dapat bergerak berulang alik dari kolej bagi menghadiri kuliah. Beliau turut mendapat bantuan sepenuhnya yang turut mengikuti pengajian di SPE. Justeru sebagai sekolah yang peka terhadap keperluan pelajar-pelajar seumpamanya maka pihak pengurusan berusaha bersungguh-sungguh bagi membantu pelajar seperti Mohd Iskandar. Dekan SPE ketika ditemui, menyatakan bahawa tidak wujud diskriminasi bagi pelajar-pelajar kurang upaya seperti beliau malah pihak sekolah memberi ruang dan peluang yang setara khususnya kepada golongan kurang upaya bagi meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi, ujar beliau lagi.

